



**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-20**  
**MAJLIS MESYUARAT NEGARA**  
(JURNAL HARIAN)  

---

**PADA HARI RABU, 25HB., SYAABAN 1445 / 06HB., MAC 2024**  
**(HARI KETUJUH)**

**1. Do'a Selamat**

**2. MESYUARAT DI PERINGKAT JAWATANKUASA**

**2.1. KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

- 2.1.1. Jawatankuasa telah menyambung bagi menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan iaitu Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A.
- 2.1.2. Beberapa orang Ahli Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, iaitu:
  - i. Yang Berhormat Awang Haji Salleh Bostaman bin Haji Zainal Abidin;
    - Memohon pencerahan mengenai rancangan dan strategi bagi dana khusus yang telah dirancang dalam Belanjawan Kewangan 2024/2025 untuk memastikan Pekan Kuala Belait terus memenuhi harapan yang dikaitkan dengan anugerah *ASEAN Clean Tourist City Award*;
    - Mengharapkan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan akan terus berusaha menterjemahkan anugerah *ASEAN Clean Tourist City Asia* ke dalam tindakan yang nyata

- untuk meningkatkan kualiti hidup dan pengalaman pelancongan di Kuala Belait;
- Menyeru Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk mencari dan menampilkan produk pelancongan yang bersesuaian untuk menerima anugerah berprestij *ASEAN Tourism Award* yang mencerminkan identiti keunikan sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja (MIB) dan tradisi Negara Brunei Darussalam;
  - Memohon pencerahan mengenai pendekatan baharu yang akan diperkenalkan serta bantuan yang akan dihulurkan kepada pengusaha pertanian dan agromakanan yang akan memberi jaminan sasaran kementerian yang dijangkakan akan tercapai;
  - Menyoalkan sama ada aliran pendapatan dari sektor pertanian dan agromakanan dilakukan dengan *financial audit* dengan menunjukkan *revenue* yang sebenar atau hanya berdasarkan kepada anggaran hasil produksi dari pengusaha dan ditaksir oleh kementerian tanpa mengira harga dan jumlah jualan yang sebenar;
  - Menyarankan bagi melaporkan *revenue* yang sebenar menjadi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang perlu dipandang iaitu jumlah pengusaha-pengusaha ladang yang berkembang;
  - Memohonkan penjelasan sama ada sasaran menjana sekuriti makanan sudah dicapai dan jika dengan perbelanjaan baharu, berapakah anggaran pengeluaran yang akan dicapai;
  - Memohon penjelasan mengenai kesahihan keuntungan dari hasil industri pengeluaran sektor primer dan industri hiliran berasaskan kayu merupakan *revenue* kerajaan atau tafsiran dari pengusaha pembalakan;

- Memohon pencerahan sekiranya pendapatan negara dari hasil penjualan balak adalah setimpal dengan keuntungan yang diraih, dan berbaloi dengan kos-kos berkaitan yang ditanggung;
- Membangkitkan mengenai kriteria *guideline* yang nyata yang memerlukan pemantauan untuk memastikan *economic value* dari sebatang pokok berada di tahap maksima dan tiada *wastage* untuk mendatangkan sumber hasil;
- Ingin mengetahui strategi dalam perbelanjaan RKN-12 untuk meneroka pelaburan di luar negara dalam pertanian dan agromakanan
- Mencadangkan untuk mengadakan *community farming area* bersusun dengan membuka tanah kerajaan kosong berdekatan dengan skim perumahan kampung *green belt* dan menyarankan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk memberi tunjuk ajar dalam bertanam secara kecil-kecilan;
- Menyoalkan mengenai kenaikan harga daging, ayam dan telur, walaupun tidak melibatkan kos import;
- Mencadangkan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berkolaborasi dengan Kementerian Kesihatan untuk memperkenalkan *medical tourism*;
- Mencadangkan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berkolaborasi dengan Kementerian Pendidikan untuk mempromosikan Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pembelajaran yang mempamerkan kekuatan institusi kekeluargaan dalam Islam;
- Mencadangkan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berkolaborasi dengan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan

bersama *Brunei Olympic Council* dan agensi-agensi sukan dalam negara untuk mempromosikan negara sebagai destinasi sukan di peringkat antarabangsa dan serantau termasuk peringkat *youth & sports development*;

- Mencadangkan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan berkolaborasi dengan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan mempromosikan dan mengadakan *marathon* antarabangsa di atas Jambatan Sultan Haji Omar Ali Saifuddien;
- Mencadangkan untuk mengambil kesempatan membawa keluar penumpang-penumpang *transit* yang menggunakan *Royal Brunei Airlines* dan *Brunei International Airport* untuk destinasi umrah dan pelancong Islam;
- Menyoalkan strategi dan inisiatif dalam memanfaatkan dan mengambil peluang daripada kerjasama *BIMP-EAGA* dan juga pemindahan ibu kota Indonesia ke kepulauan Borneo; dan
- Mencadangkan untuk meneroka produk pelancongan *niche tourism* iaitu berkolaborasi dengan individu persendirian yang ada menyimpan koleksi unik dan koleksi persendirian orang kenamaan dalam negeri untuk pameran ekspo khas.

ii. Yang Berhormat Awang Amran bin Haji Maidin;

- Ingin mengetahui langkah-langkah dan tindakan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam memberi kemudahan kepada para pengusaha buah tangan (*souvenirs*) berasaskan kayu dalam memberi kebenaran pengambilan bekalan kayu bagi pembuatan buah tangan (*souvenirs*); dan
- Mencadangkan supaya tempat-tempat rekreasi dan *hiking* diperelekkkan lagi trek-trek yang

sedia ada agar dapat dijadikan sebagai destinasi pelancongan dan tempat mengadakan acara-acara sukan peringkat antarabangsa.

iii. Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin;

- Menyoal sama ada Jabatan Perikanan mempunyai kawasan-kawasan ternakan ikan di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) dan jika terdapat syarikat yang sudah beroperasi di kawasan berkenaan, dan seterusnya apakah langkah-langkah keselamatan yang sudah dirancang bagi memastikan operasi syarikat-syarikat di luar kawasan itu terjamin keselamatannya dan di manakah pekerja akan meminta bantuan jika diceroboh oleh anasir luar;
- Menyeru bagi usaha yang berterusan untuk diungkayahkan, merancang dan melaksana bagi memantapkan tarikan-tarikan yang sedia ada;
- Mencadangkan untuk mempelawa pelabur asing ke negara ini untuk mereka memajukan pembangunan yang unik di pulau-pulau dan tempat-tempat lain, contohnya pembangunan *resort and mixed development* dengan tema yang khusus;
- Menyarankan bahawa pelancongan tidak perlu memfokus kepada bangunan-bangunan tinggi yang megah kerana kawasan hutan, pantai dan sungai yang tidak tercemar adalah cukup bagi menarik pelancong ke negara ini;
- Menyoalkan jenis *inoculant* yang dibenarkan pemakaian untuk pengusaha pokok gaharu dan apakah tindakan bagi menangani isu kecurian pokok gaharu;
- Ingin mengetahui jenis padi yang akan difokuskan dan ditetapkan sebagai jenis dan

baka padi sendiri untuk pengeluaran berskala besar yang menepati citarasa rakyat Brunei;

- Menimbulkan mengenai penghasilan baka lembu dan kerbau sendiri dan menyeru bagi bersedia secepatnya untuk mengurangkan kebergantungan kepada bekalan daging import;
- Menyatakan bahawa beberapa kawasan tanah adalah masih mencukupi untuk diusahakan sebagai tempat ternakan domestik lembu dan kerbau; dan
- Menyeru bagi pihak Kementerian untuk meneliti kenaikan harga telur yang masih mahal.

2.1.3. Tajuk Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan iaitu Tajuk SH01A hingga Tajuk SH06A telah diundi dan dipersetujui oleh kesemua Ahli Yang Berhormat, dan dijadikan sebahagian daripada Jadual.

## **2.2. KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

- 2.2.1. Jawatankuasa telah menimbangkan tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Tajuk SJ01A.
- 2.2.2. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama telah menyampaikan mukadimahnyanya mengenai anggaran perbelanjaan dan hala tuju Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Jabatan-Jabatan di bawahnya.

---

**[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN BAGI SESI PAGI DAN MAJLIS MESYUARAT DISAMBUNG SEMULA PADA JAM 2.30 PETANG]**

---

## **2.3. KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

- 2.3.1. Jawatankuasa telah menyambung tajuk bagi menimbangkan tajuk-tajuk di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu Tajuk SJ01A.
- 2.3.2. Beberapa orang Ahli-Ahli Yang Berhormat Yang Dilantik telah menyampaikan pendapat dan pandangan mereka dan seterusnya direspon oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan iaitu:

- i. Yang Berhormat Dayang Hajah Safiah binti Sheikh Haji Abd Salam;
  - Memohon pencerahan pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam meneliti cadangan-cadangan yang telah dikemukakan pada Mesyuarat Pertama dari Musim Permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara Ke-19 yang lalu dan apakah langkah-langkah yang diusahakan untuk mengurangkan kos tinggi menunaikan ibadah haji;
  - Mencadangkan supaya Kementerian Hal Ehwal Ugama menimbang dan memberi kebenaran kepada syarikat pengendali haji untuk mempelbagaikan jenis pakej haji dan menyediakan pilihan harga pakej haji yang lebih fleksibel mengikut taraf hidup yang berbeza;
  - Mencadangkan agar pembayaran tiket penerbangan haji dibuat terus oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi kepada Syarikat Penerbangan Diraja Brunei secara langsung untuk mengurangkan beban syarikat pengendali haji;
  - Ingin mengetahui amalan-amalan baik yang dapat diambil dan diterapkan kepada pengendalian pengurusan haji oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa tinjauan ke negara jiran;
  - Menyoalkan kaedah Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan menilai inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan dalam menjayakan sistem integrasi pendidikan tanpa membebankan mana-mana pihak dan apakah strategi pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan bagi menambah baik proses pelaksanaan sistem ini;

- Menyeru agar bahan-bahan kurikulum sistem integrasi pendidikan untuk disegerakan tanpa mengurangkan kualiti dan keberkesanan terhadap hasil pembelajaran pelajar;
- Menyoalkan sama ada tempoh Pendidikan Ugama Wajib di bawah Bab 5 Perintah Pendidikan Ugama Wajib, 2012 akan dikemaskini;
- Mencadangkan bagi penyediaan kemudahan prasarana tempat berwudhu dan dewan menunaikan solat untuk diterapkan dalam perancangan jangka masa panjang dan syarat bagi pembinaan sekolah-sekolah baru;
- Menyeru agar pihak sekolah mewajibkan semua pelajar Islam yang tidak balik tengah hari menunaikan solat Zuhur berjemaah secara suka rela dengan inisiatif bercorak pendidikan;
- Menyarankan agar penyusunan jadual akan melibatkan semua guru-guru secara bergilir-gilir dan tidak menghadkan kepada guru agama sahaja bagi mengawas pelajar semasa waktu solat Zuhur;
- Menyeru bagi Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan meneliti isu had penggunaan kemudahan sekolah dan memberi penerangan kepada pemimpin sekolah bahawa semua kelengkapan sekolah yang disediakan oleh pihak kerajaan adalah hak bersama; dan
- Mencadangkan supaya Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan dan pihak-pihak lain yang berkepentingan menubuhkan jawatankuasa khas bebas yang bertanggungjawab untuk menilai perkembangan pelaksanaan dan mencadangkan penambahbaikan yang perlu bagi menjayakan sistem integrasi ini;



- ii. Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin;
- Mencadangkan untuk meneliti semula semua proses pengurusan zakat dari awal permohonan sehingga pengagihan zakat bagi mengurangkan TPOR yang sedia ada;
  - Menyeru supaya jenis-jenis bantuan diteliti semula dengan mengambil kira keperluan semasa dan menyediakan satu garis panduan yang jelas mengenainya;
  - Mencadangkan untuk menghadkan 3 jenis bantuan daripada 5 jenis yang ada ketika ini, dan bagi setiap permohonan disiasat dengan teliti melalui pelbagai pendekatan;
  - Memohon pencerahan mengenai kejayaan Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) dan jumlah asnaf yang berjaya keluar dari kemiskinan menerusi program ini;
  - Mencadangkan meningkatkan pelancongan Islam dengan meningkatkan anjuran pameran seni dan budaya Islam, menggalakkan aktiviti-aktiviti forum seminar yang dianjurkan oleh tokoh-tokoh agama bertauliah;
  - Mencadangkan penubuhan satu *taskforce* yang dianggotai oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk menilai dan merealisasikan peluang memanfaatkan kekayaan warisan Islam serta mempromosikan lagi pelancongan Islam di Negara Brunei Darussalam.
- iii. Yang Berhormat Awang Abdul Aziz bin Haji Hamdan;
- Menyentuh mengenai isu kelambatan bantuan dan proses kelulusan pemohon Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang memerlukan penyelesaian dan perhatian; dan
  - Mencadangkan supaya meningkatkan kualiti tadbir urus bagi Sistem Kebajikan Negara

(SKN) dan masalahnya dikaji dan diteliti untuk pembaikan.

- iv. Yang Berhormat Awang Haji Mohamad Danial @ Tekpin bin Ya'akub;
  - Menyentuh mengenai penempatan imam dan bilal yang ditugaskan jauh daripada tempat tinggal menyebabkan kesukaran dalam menjalankan tugas;
  - Mencadangkan penempatan imam dan bilal mengikut tempat bertugas yang bersesuaian dan menetapi kemampuan;
  - Menempatkan jumlah pegawai masjid yang bersesuaian mengikut kapasiti masjid dan penduduk setempat;
  - Menempatkan jawatan tetap kepada pelapis imam dan bilal yang diteruskan secara kontrak bagi keperluan masjid atau surau; dan
  - Memohon pencerahan status kerja projek pembinaan masjid baru di Kampong Lamunin dan Kampong Ukong, Daerah Tutong.
  
- v. Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann;
  - Memohon pencerahan berkenaan dengan isu kos menunaikan ibadat haji yang semakin meningkat dan dasar kerajaan berkaitan dengan skim bantuan haji bagi kakitangan awam dan mualaf;
  - Mencadangkan agar adanya pilihan-pilihan lain yang bersesuaian dapat dipertimbangkan agar hak-hak Skim Bantuan Tambang Haji dapat dinikmati dengan sebaiknya;
  - Memohon pencerahan mengenai bangunan balai ibadat yang diwakafkan menjadi terbiar setelah pembinaan masjid baharu dan mencadangkan supaya bangunan balai ibadat wakaf boleh dimanfaatkan dengan membuat aktiviti yang bersesuaian; dan

- Menyoalkan mengenai perancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam mentadbir urus tadbir tanah-tanah wakaf yang terbiar.
- vi. Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir;
- Memohon pencerahan mengenai status terkini syarikat swasta yang menawarkan perkhidmatan berkenaan dengan mengurus kitab Al-Quran yang rosak dan sama ada syarikat tersebut masih beroperasi atau tidak;
  - Mencadangkan agar pihak Kementerian Hal Ehwal Ugama dapat memberigakan lagi secara meluas dan menyediakan beberapa inisiatif seperti mengadakan taklimat berkenaan pengurusan Al-Quran yang sudah rosak, menggalakkan pihak swasta yang berminat untuk menawarkan perkhidmatan mengurus kitab-kitab Al-Quran yang telah rosak, serta menubuhkan satu *taskforce* bagi membuat pemantauan berkenaan dengan kualiti dan kuantiti kitab-kitab Al-Quran di sekolah-sekolah, balai ibadat, surau dan sebagainya.
- vii. Yang Berhormat Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Othman;
- Menyoalkan mengenai usaha-usaha Kementerian Hal Ehwal Ugama untuk mewujudkan piawaian dan *standard* syariah Negara Brunei Darussalam; dan
  - Mencadangkan agar aktiviti lawatan masjid-masjid di negara disediakan dengan jurupandu di kalangan pegawai masjid atau belia-belia masjid yang terlatih dan berkemahiran bahasa luar.

---

**[MAJLIS MESYUARAT NEGARA DITANGGUHKAN DAN AKAN DISAMBUNG SEMULA PADA HARI KHAMIS, 7HB MAC 2024 JAM 2.00 PETANG]**

---